


PECIPTA 2019: UMS cemerlang dengan 5 emas, 5 perak dan 2 gangsa

NST 25-9-2019 3

KOTA KINABALU: Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) cemerlang dalam penyertaan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2019 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor apabila reka cipta mereka berjaya merangkul lima emas, lima perak dan dua gangsa baru-baru ini.

Menurut kenyataan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UMS, lima reka cipta yang merangkul emas itu adalah rekacipta bertajuk 'RTFace Deep: A Real Time Multiple Faces Recognition for Video Surveillance Using a Deep Learning Architecture' oleh Prof. Madya Dr. Rayner Alfred dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), 'DeColour AR: An Augmented Reality Colouring Book for UMS Aquarium and Marine Museum' oleh Prof. Madya Dr. Ng Giap Weng juga dari FKI, dan "UMS Eco-Solar Dryer oleh Prof. Madya Dr. Jidon Adrian Janaun dari Fakulti Kejuruteraan (FKJ).

Dua lagi pingat emas diraih melalui dua penyelidik dari Institut Penyelidikan Biotekno-



REKA CIPTA ... Penyelidik UMS bersama reka cipta mereka di ruang pameran penyelidikan.

logi (IPB) UMS iaitu Prof. Madya Dr. Md. Shafiqzaman Siddiquee dengan penyelidikan bertajuk Trichogreen: Valorizing Wastes' dan Dr. Nur Athirah Yusof - 'Strategies for Soluble Protein Production in E. Coli Using a Psychrophilic Co-Chaperone Expression System'.

"Ini satu pencapaian yang cemerlang kerana UMS yang diwakili delegasi seramai 10 penyelidik yang diketuai Timbalan Pengarah (Inovasi), PPPI Prof. Madya Dr. Homathevi Rahman, membawa sebanyak

12 reka cipta untuk dipertandingkan pada persidangan tersebut dan semuanya telah meraih pingat," demikian menurut kenyataan tersebut.

PECIPTA 2019 anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama UTHM yang berlangsung selama dua hari merupakan program dwitahunan Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk mempromosikan produk-produk inovasi institusi pendidikan tinggi dan mencipta peluang kolaborasi bersama industri.